



BAGUS...Naib Canselor, Dr Kamaruddin Mudin bersama para pegawai tertinggi UMS semasa majlis itu.

Future Proof Graduates jenama baharu UMS



LAPOR DIRI... Sebahagian dari pelajar diiringi oleh keluarga melaporkan diri ke UMS.

NST 14.9.2018 13
TAHUN 2018 Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyaksikan sebanyak 4,225 tawaran telah dikeluarkan dengan memasukkan 3,696 calon telah mengesahkan penerimaan tawaran. Daripada jumlah tersebut kira-kira 3,500 calon telah pun mendaftarkan diri untuk mengikuti minggu suai mesra pada 3 September yang lalu. Jumlah ini akan bertambah dengan memasukkan pelajar menerusi saluran e-Rayuan.

Mahasiswa pelbagai disiplin pengajian ini datang dari seluruh pelusuk negara dan akan ditempatkan di kampus induk UMS di Kota Kinabalu, Kampus Sandakan dan Kampus Antarabangsa Labuan. Sebilangan dari mahasiswa baharu ini adalah dalam kalangan pelajar antarabangsa dan hampir 200 orang calon pelajar adalah dalam kategori B40.

Sejumlah 64 program pengajian yang ditawarkan oleh 10 Fakulti merangkumi keperluan terhadap pembangunan ilmu pengetahuan dan melahirkan graduan untuk mengisi keperluan pembangunan negara di masa hadapan. Pada sesi pengajian 2018/2019 dua program prasiswazah baharu diperkenalkan, iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas serta Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

UMS komited mentransformasi mahasiswa ini kepada graduan yang berjaya dalam tempoh tiga dan lima tahun. Sehingga kini UMS telah melahirkan hampir 70,000 graduan yang berada

di serata benua berkhidmat dalam pelbagai sektor mahu pun menjadi usahawan berdayasaing tinggi.

Sebagai benih yang diamanahkan kepada UMS untuk dipupuk menjadi tunas dan seterusnya menjadi pokok subur tempat berpautnya harapan bangsa dan bernaungnya wawasan negara, proses merubah mahasiswa menjadi graduan kian mencabar. Apatah lagi dalam kemelut perkembangan teknologi yang sangat pantas. Hal ini menjadi bertambah kritikal dengan personaliti dan tingkah laku Generasi Y itu sendiri yang sangat jauh berbeza serta ledakan teknologi maklumat dan komunikasi tanpa batasan yang cepat mempengaruhi persepsi dan tindakbalas.

Istilah-istilah kebolehan pasaran, penandarasan, jaminan kualiti, piawaian dan seumpamanya, yang pada asalnya bertujuan murni, sedikit-sebanyak tanpa sadar menghakiki kesedaran mengenai kedudukan ilmu yang tinggi, sehingga diletakkan sebaris dengan iman dan amal. Perkembangan ini menyebabkan UMS dan warganya berhadapan cabaran besar untuk menyedarkan para mahasiswa peri pentingnya ilmu dan proses menuntut ilmu di IPTA. Ilmu yang diperolehi di UMS bukan semata-mata untuk bekal mencari kerja. Ia jauh lebih penting dari itu, yakni untuk membina jati diri, membentuk dan mengukuh idealisme serta melahirkan manusia seimbang



MESRA... Dr Kamaruddin bermesra dengan pelajar.

yang menepati ciri-ciri insaniah.

Keberadaan dalam sistem pengajian selama 3-5 tahun ini tidak akan mampu mengubah mahasiswa menjadi negarawan yang diharapkan tanpa ada kesedaran dan minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan. Tempoh ini sangat kritikal bagi mereka membentuk dan mengilap idealisme. Kemahiran mencerna teori dan amali yang diasah di UMS akan melengkapkan mereka mengukuhkan ideologi sekaligus membentuk citra dan fikrah sebagai graduan yang mampu mendepani apa jua perubahan setelah bergraduan dan menjadi ahli masyarakat kelak.

Selaras dengan itu UMS sentiasa memastikan struktur kurikulum akademik dilengkapi dengan pengisian kemahasiswaan yang menuntut libat sama yang aktif dalam kalangan mahasiswa. Justeru, UMS kini memberi tumpuan kepada pembentukan sahsiah dan jatidiri mahasiswa dengan langkah berani menerusi penilaian semula struktur kurikulum yang sesuai dengan persekitaran, khususnya minat dan kecenderungan Generasi Y.

Ia bertujuan mengembalikan kedudukan tempoh berada di IPTA sebagai proses yang menyeronokkan pelajar, sehingga mampu merangsang minat dan keterlibatan mereka sepanjang berada dalam sistem pengajian. Umum menyedari karakter generasi muda ini yang mahukan sistem lebih bebas dan terbuka. UMS berazam untuk

menyediakannya tetapi dalam bentuk yang terpinpin dan berstruktur.

Bagi maksud tersebut UMS nekad meletakkan elemen pengalaman holistik (holistic experience) sebagai KRA atau petunjuk prestasi utama. Ia merupakan KRA ke-8 sebagai tambahan kepada tujuh KRA sedia ada. Langkah berani ini memerlukan transformasi besar dalam struktur kurikulum dan kaedah penyampaian. Ia mementingkan proses pembelajaran yang menyeronokkan, proses penerapan ilmu yang selari dengan keperluan minda mahasiswa, proses mendewasakan mahasiswa dengan kesuburan jasmani, emosi, rohani dan intelektual, serta memantapkan mereka dalam konteks nilai-nilai murni mengikut acuan yang kita kehendaki.

Penyesuaian bebanan jam kredit diimbangi dengan proses penyampaian berorientasikan industri. Dalam konteks ini proses penyampaian konvensional seperti orientasi bilik kuliah, komunikasi antaramuka (interface) dengan pensyarah, penilaian berteraskan peperiksaan semata-mata, keperluan menghafal yang keterlaluan dan seumpamanya diganti dengan pendekatan mesra pelajar (student-centered) melalui kapasiti teknologi. Proses penilaian dan kawalan kualiti juga lebih mesra industri dengan menekankan aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran dan hasil pembelajaran (learning outcome) yang menepati kehendak industri se-

masa dan keperluan persaingan masa hadapan. Ia termasuk menjadikan IR4.0 sebagai tema usaha transformasi menyeluruh UMS.

Berdasarkan agenda besar tersebut UMS sudah memulakan pembangunan jenama baharu bagi graduan. Future Proof Graduates merupakan ciri lestari di mana mahasiswa dipersiapkan dengan kemahiran teknikal serta kemahiran insaniah untuk mendepani segala cabaran. Dengan kemahiran berfikir, ketahanan mental, keutuhan jatidiri, kesihatan jasmani, kekuatan rohani dan kekayaan emosi, para graduan akan mampu menghadapi masa hadapan yang semakin tidak menentu dan cepat berubah. Usaha ini digembling di bawah KRA8 Holistic Experience dengan menekankan nilai asas yang kuat dalam segenap aspek proses pengajaran dan pembelajaran di UMS.

Pengurusan UMS mengenal pasti kelebihan strategik yang ada sebagai kelebihan bandingan (competitive advantage) untuk menjenamakan graduan sebagai Future Proof Graduates. Sabah diakui sebagai negeri model untuk perpaduan kaum, saling menghormati, keharmonian pelbagai sistem kepercayaan serta kekayaan adat dan budaya. Ia juga penuh dengan

anugerah alam yang kaya dengan flora dan fauna, keindahan alam semulajadi, kekayaan sumber asli, kepelbagaian biodiversiti, dan keunikan muka bumi.

Persempadanan dengan Filipina, Brunei dan Indonesia menjadikannya negeri yang paling strategik di Malaysia dari aspek hubungan antarabangsa. Sabah sudah menjadi laluan udara kedua penting selepas Kuala Lumpur, tumpuan pelancong yang semakin meningkat serta tarikan pelaburan yang semakin mendapat perhatian.

Semua elemen ini menyediaan lanskap strategik untuk UMS menyediaan Holistic Experience kepada para graduan yang mungkin tidak akan dapat ditawarkan di mana-mana. Dengan mengembing kelebihan ini dan mengharmonikannya dengan proses pengembangan dan penyampaian ilmu pengetahuan, UMS berada di landasan tepat untuk mengungguli citra negara untuk melahirkan graduan seimbang, sesuai dengan falsafah pendidikan negara. Warga UMS bertekad cemerlang untuk mendidik (to educate) anak bangsa melangkaui amalan konvensional mengajar (to teach) semata-mata. **OLEH RASID MAIL** [Penulis adalah merupakan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS]